

29 MAR 2001

KWSP-CARUMAN

KADAR BARU CARUMAN PEKERJA KE DALAM KWSP SEBABKAN PENGURANGAN KUTIPAN
RM1.5 BILION SETAHUN

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Pengurangan caruman bulanan pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mulai bulan depan akan menyebabkan caruman yang dikutip berkurangan sebanyak RM125 juta sebulan atau RM1.5 bilion setahun, demikian menurut KWSP di dalam kenyataan hari ini.

Kadar baru ini berkuatkuasa untuk tempoh selama satu tahun sehingga gaji bulan Mac 2002. Bagaimanapun, caruman bulanan bahagian majikan kekal pada kadar yang sama iaitu 12 peratus, kata KWSP.

KWSP juga berkata pengurangan caruman bulanan ini tidak akan menjejaskan aktiviti pelaburan Kumpulan berkenaan.

Ia menjelaskan yang caruman untuk bulan April, yang dibayar sebelum 21 Mei, 2001, adalah berdasarkan kepada kadar baru sebanyak 9.0 peratus.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengumumkan pengurangan kepada 9.0 peratus daripada 11 peratus sebagai salah satu langkah untuk merangsang ekonomi negara dan juga mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Bagi memudahkan kemasukan kadar baru, KWSP akan mengedarkan jadual caruman yang dipinda kepada semua majikan tidak lama lagi. Jadual kadar baru itu boleh diperolehi di laman web KWSP www.kwsp.gov.my/kwsp, mulai 1 April 2001.

KWSP ialah skim persaraan nasional yang dipertanggungjawabkan melindungi hak ahli untuk hari tua mereka.

Objektif ini dicapai dengan menyediakan kutipan caruman yang berkesan dan pelaburan yang boleh menambahkan nilai simpanan bagi memenuhi jaminan kewangan dan kesejahteraan hidup semasa bersara. -- BERNAMA

MKO SHY AA